

Penawaran Kursus Bahasa Asing di Universiti: Meninjau Pemilihannya dari Perspektif Nilai Ekonomi

Foreign Language Courses in Universities: Looking at Economic Values

CHONG SHIN & DOREEN NG BOON SIM

ABSTRAK

Kursus Bahasa Asing merupakan kursus elektif di universiti tempatan. Terdapat tiga kategori bahasa Asing yang ditawarkan, iaitu bahasa-bahasa Eropah (misalnya bahasa Jerman, Perancis, Sepanyol dan sebagainya), bahasa di Asia Timur (terutamanya bahasa Mandarin, Korea dan Jepun) dan bahasa di Asia Tenggara (seperti bahasa Thai, Burma, Vietnam, Kemboja dan sebagainya). Di antaranya, kursus bahasa Eropah dan Asia Timur, yang dipersepsikan sebagai bahasa Tinggi (bahasa H) menjadi kursus pilihan utama para pelajar. Bahasa Asia Tenggara sebaliknya diabaikan oleh pelajar (dan juga universiti tempatan) dan dianggap sebagai bahasa Rendah (Bahasa L). Dengan kenyataan bahawa negara-negara ASEAN mengalami perkembangan ekonomi yang pesat dan kehadiran ramai penutur yang berbahasa Asia Tenggara di sekitar kita, makalah ini menegaskan tentang kelebihan menguasai bahasa-bahasa serantau daripada bahasa yang dipersepsikan berprestij seperti bahasa di Eropah atau di Asia Timur.

Kata Kunci: Bahasa asing; universisti; ekonomi; negara ASEAN

ABSTRACT

Foreign Language Courses is a supplementary course offered by local universities. There are three categories of foreign languages offered namely the European Languages (such as German, French, Spanish, etc.), East Asian languages (especially Chinese, Korean and Japanese) and Southeast Asia Languages (such as Thai, Burmese, Vietnamese, Khmer and etc). Among these courses, the European and East Asian languages which are perceived as the "H language" (High Language), always preferred by the students. The Southeast Asian languages which considered as a "L language" (Low language), on the other hand seems to be neglected by them (and even the universities). Based on the fact that the ASEAN countries gains rapid development in economy and a massive number of its speakers existed in our country, this paper attempts to highlight the advantages of learning these languages rather than European or East Asian languages, which considered as a prestige language.

Keywords: Foreign languages; university; economy; ASEAN countries

PENGENALAN

Konsep Bahasa Tinggi (H) dan Bahasa Rendah (L) asalnya diperkenalkan oleh ahli sosiolinguistik Ferguson (1959) untuk menjelaskan situasi komunikasi yang diaglosik. Dalam kajian tentang bahasa Arab di negara Timur Tengah, dua variasi bahasa telah dikenalpasti oleh beliau, iaitu bahasa Arab Klasik (sebagai bahasa Tinggi-bahasa standard) dan variasi kolokial tempatan (bahasa rendah-bahasa komunikasi). Kemudian, istilah ini diperluaskan makna yang merujuk kepada situasi sosiolinguistik tertentu (Fishman 1971). Dua istilah intinya, iaitu bahasa H dan L bahkan luas digunapakai untuk menyifatkan status sesuatu bahasa di luar skop definisi seperti yang diutarakan

oleh Ferguson (Collins 1987). Dalam sesebuah situasi diglosia, persoalan sikap terhadap dua kod bahasa agak rumit. Seseorang biasanya mengagumi bahasa H walaupun mereka tidak memahaminya dan menganggap bahasa tersebut berprestij tinggi. Ini sebaliknya berlaku kepada bahasa L yang dianggap tidak bernilai (Holmes 1992). Sesungguhnya, istilah bahasa H dan L dalam konsep diaglosia Ferguson mempunyai perkaitan rapat dengan sikap atau persepsi seseorang individu, khususnya terhadap status sesuatu bahasa. Tidak semestinya sesuatu bahasa yang diiktiraf secara legal sebagai bahasa H (contohnya laras bahasa Melayu ilmiah) juga diakui oleh seseorang penutur sebagai berstatus tinggi, daripada segi persepsi. Faktor ini wujud kerana adanya persaingan daripada bahasa-bahasa

lain. Di Malaysia, walaupun bahasa Melayu sudah menduduki jenjang tertinggi, bahasa-bahasa lain (Mandarin, Tamil dan Inggeris) juga disokong. Di antaranya, bahasa Mandarin dan Inggeris digunakan secara meluas walaupun dalam jumlah yang lebih kecil dibandingkan dengan bahasa Melayu. Kajian-kajian lepas yang dilakukan oleh, misalnya Chong (1997), Teo (1986), Ling (1994) dan Gunam (1996) merupakan contoh-contoh kajian yang secara implisit meninjau isu-isu hubungan antara persepsi dengan bahasa H dan L oleh sesuatu kaum.

Menurut Teo (1986), pembelajaran sesuatu bahasa dikaitkan dengan dua faktor iaitu faktor instrumental dan integratif. Faktor instrumental bermaksud keinginan mencapai sesuatu tujuan misalnya untuk meningkatkan diri secara kebendaan melalui penguasaan bahasa. Manakala integratif bermaksud untuk mengetahui dan mengenali dengan lebih dekat lagi penutur asli sesuatu bahasa yang akan dipelajari. Sesungguhnya, kedua-dua faktor ini mempunyai hubungan dengan pemilihan bahasa asing oleh pelajar. Kajian ini merupakan satu kajian kes yang bertujuan meninjau kursus bahasa asing yang ditawarkan oleh Fakulti Komunikasi dan Bahasa Moden (FKBM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan meneliti sikap dan persepsi pelajar terhadap kursus tersebut yang ditawarkan. Di samping itu, kajian ini juga meninjau peranan faktor

instrumental dan integratif dalam mempengaruhi pemilihan sesuatu bahasa asing. Untuk meninjau sikap dan persepsi terhadap sesuatu bahasa, kajian ini menggunakan kaedah borang soal selidik dan temubual. Borang soal selidik yang digunakan berupaya mencungkil sikap dan persepsi mereka terhadap bahasa asing serta kesedaran terhadap bahasa asing yang dipilih oleh mereka. Sampel kajian yang dipilih secara rawak daripada pelajar-pelajar tahun kedua dan tahun akhir. Jumlah soal selidik ditujukan kepada 110 orang informan dan jawapan yang dikembalikan adalah sebanyak 95 set.

PENAWARAN KURSUS BAHASA ASING DI UNIVERSITI TEMPATAN

Dalam makalah ini, “bahasa asing” merujuk kepada bahasa-bahasa selain bahasa Melayu, contohnya bahasa-bahasa di Eropah (bahasa Belanda, German, Perancis dan sebagainya), Asia Timur (misalnya bahasa Korea, Jepun), Asia Barat (bahasa Arab) dan bahasa di Asia Tenggara (misalnya bahasa Mandarin, Thai, Vietnam, Myanmar, Tagalog dan lain-lain). Jadual 1 menunjukkan Jabatan-jabatan di universiti tempatan di Lembah Klang yang menawarkan kursus bahasa asing.

JADUAL 1. Jabatan dan Fakulti/Akademi/Institut di Universiti Tempatan yang Menawarkan Kursus Bahasa Asing (data 2013)

Universiti / Fakulti, Akademi, Institut	Jabatan yang menawarkan kursus
1. Universiti Putra Malaysia (UPM) Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi	Jabatan Bahasa Asing
2. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan	Jabatan Pengajian Bahasa Asing
3. Universiti Teknologi MARA (UiTM) Akademi Pengajian Bahasa	Jabatan Bahasa Asia dan Eropah
4. Universiti Malaya (UM) Fakulti Bahasa dan Linguistik	Jabatan Bahasa Arab dan bahasa-bahasa Timur Tengah Jabatan Bahasa-bahasa Asia dan Eropah

Dalam Jadual 2, dipaparkan secara terperinci setiap kursus yang ditawarkan oleh universiti tempatan. Secara rumusan, setiap universiti tempatan mempunyai corak penawaran kursus bahasa asing yang berbeza-beza. Satu persamaan

umum ialah universiti-universiti ini mementingkan kursus bahasa Eropah dan tiga bahasa di Asia Timur (iaitu bahasa Mandarin, Korea dan Jepun). Bahasa lain, terutamanya bahasa di Asia Tenggara jarang ditawarkan.

JADUAL 2. Bahasa-bahasa Asing yang Ditawarkan di Empat Universiti di lembah Klang

UKM		UPM		UiTM		UM	
Kursus		Kursus		Kursus		Kursus	
Bahasa-bahasa Eropah dan Asia Timur	Bahasa-bahasa Negara Asia Tenggara	Bahasa-bahasa Eropah dan Asia Timur	Bahasa-bahasa Negara Asia Tenggara	Bahasa-bahasa Eropah dan Asia	Bahasa-bahasa Negara Asia Tenggara	Bahasa-bahasa Eropah dan Asia Timur	Bahasa-bahasa Negara Asia Tenggara
Mandarin Jepun Korea Arab Sepanyol	Thai	Mandarin Jepun Korea Arab Sepanyol Jerman	Thai Myanmar	Mandarin Jepun Korea Arab Perancis Jerman Itali	TIADA	Mandarin Jepun Arab Perancis Sepanyol Jerman Itali	TIADA

TAFSIRAN BAHASA ASING BERDASARKAN KONSEP BAHASA H DAN L

Secara tafsiran, bahasa-bahasa di Eropah dan Asia Timur pada pandangan umum merupakan bahasa di negara maju dan dianggap berstatus tinggi jika dibandingkan dengan bahasa-bahasa Asia Tenggara. Kewujudan persepsi ini bertitik-

tolak pada status negara daripada aspek ekonomi. Negara-negara di Eropah (khususnya Eropah Barat) dan Asia Timur adalah negara yang telah berstatus “negara maju”, manakala negara-negara di Asia Tenggara masih merupakan “negara membangun”.¹ Berdasarkan laporan dari *The International Monetary Fund (IMF)* tahun 2009, terdapat 34 buah negara yang tergolong sebagai “negara maju”², iaitu:

JADUAL 3. Senarai Negara-negara “Maju” yang Diiktiraf oleh IMF

Australia	Iceland	Singapura
Austria	Ireland	Republik Slovak
Belgium	Israel	Sepanyol
Kanada	Itali	Sweden
Cyprus	Jepun	Switzerland
Republik Czech	Korea	Taiwan
Denmark	Luxembourg	England
Finland	Malta	Amerika Syarikat
Perancis	Belanda	
Jerman	New Zealand	
Hong Kong	Norway	
	Portugis	

Untuk negara-negara yang bertaraf membangun, terdapat 151 buah negara yang disenaraikan. Kesemua negara-negara di Asia Tenggara (kecuali Singapura)

termasuk dalam golongan tersebut³. Jadual berikut menunjukkan senarai negara-negara di Asia Tenggara yang dikategorikan sebagai negara membangun.

JADUAL 4. Negara-negara “membangun” di Asia Tenggara

Filipina	Thailand
Myanmar	Malaysia
Laos	Indonesia
Kemboja	Brunei Darussalam
Vietnam	


Berdasarkan Jadual 3 dan 4, jelas bahawa faktor ekonomi menentukan status sesebuah negara, iaitu “membangun” ataupun “sedang membangun”. Ini secara tidak langsung akan timbul persepsi yang berat sebelah bahawa bahasa di negara membangun lebih berprestij daripada bahasa negara membangun dan seringkali, bahasa berprestij dianggap sebagai bahasa H manakala yang kurang berprestij dianggap sebagai bahasa L. Prejudis ini sesungguhnya telah dicerminkan dalam kecenderungan universiti tempatan menawarkan bahasa asing dari negara maju daripada negara yang membangun. Contohnya dalam Jadual 2, kebanyakan kursus bahasa asing yang ditawarkan di universiti tempatan adalah bahasa dari negara-negara maju. Dalam Jadual 2, kita juga boleh ketahui hanya tiga bahasa negara membangun yang ditawarkan, iaitu bahasa Arab (ditawarkan di semua universiti yang disebutkan), bahasa Thai (ditawarkan di UKM dan UPM) dan bahasa Myanmar (ditawarkan di UPM). Secara rumusan, bahasa asing yang cenderung ditawarkan oleh universiti terdiri daripada bahasa utama dunia; lihat Collins (1999), Crystal (1988)⁴. Bahasa yang selain bahasa utama dunia lazimnya dimarginalkan.

KAJIAN KES

Satu kajian kes telah dijalankan di FKBM, UPM untuk mengetahui persepsi pelajar semasa memilih kursus bahasa asing. Hasil kajian menunjukkan pelajar-pelajar yang dikaji mengakui bahasa Eropah adalah bahasa yang berprestij, ini diikuti dengan bahasa di Asia Timur dan sebaliknya mempunyai persepsi yang negatif terhadap bahasa di Asia Tenggara. Persepsi ini sejajar dengan corak penawaran kursus bahasa asing oleh universiti tempatan. Dalam erti kata lain, persepsi pelajar dapat dicerminkan melalui jenis kursus yang ditawarkan oleh universiti.

Perlu dijelaskan di sini bahawa sampel pelajar yang diambil terdiri daripada mereka yang sedang mengikuti kursus bahasa asing tertentu. Daripada data, kebanyakan daripada mereka berminat pada kursus bahasa Eropah dan pemilihannya bersifat integratif. Sambutan terhadap bahasa Thai dan Myanmar sebaliknya tidak sehangat bahasa-bahasa prestij yang lain. Semasa kajian ini dilakukan (lihat Carta 1), apabila ditanya sekiranya mereka diberi peluang memilih kursus bahasa asing buat kali kedua, satu jawapan yang menarik yang ditemui iaitu sebanyak 56.84% pelajar mengatakan mereka akan memilih bahasa-bahasa Asia Timur

daripada bahasa Eropah yang selama ini diakui berprestij tinggi. Faktor ini mungkin dipengaruhi oleh perkembangan industri hiburan (terutamanya perfileman, K-Pop dan sebagainya) di Asia timur seperti Korea, Jepun dan Taiwan, yang secara tidak langsung meningkatkan status bahasa-bahasa berkenaan. Sementara itu, terdapat 40 % pelajar tetap akan memilih bahasa Eropah atas sebab bahasa asing ini membawa manfaat dalam ilmu pengetahuan. Untuk bahasa di Asia Tenggara, keputusannya tetap rendah, iaitu hanya 3.16 % sahaja yang berminat untuk mempelajarinya.



CARTA 1. Pemilihan Semula Kursus Bahasa Asing yang ditawarkan oleh IPTA

KEPENTINGAN MENGUASAI BAHASA ASIA TENGGARA

Berdasarkan dapatan kajian, nyata bahawa kursus bahasa-bahasa Asia Tenggara kurang mendapat sambutan. Adakah ini bermakna bahasa-bahasa ini tidak penting sehingga diabaikan dan dimarginalkan? Untuk menjawab soalan ini, perbincangan perlu dimulakan dengan melihat (1) peranan bahasa sebagai bahasa komunikasi, dan (2) nilai ekonominya.

Untuk peranan bahasa asing sebagai bahasa komunikasi, memang kita tidak perlu sangsi bahawa menguasai bahasa Mandarin mempunyai peluang yang tinggi untuk berkomunikasi kerana bahasa ini luas digunakan dalam domain formal dan tak formal. Ini berkontras dengan bahasa Eropah yang terbatas skop penggunaannya dan peranannya sebagai wacana komunikasi juga sangat sedikit. Di negara kita, kehadiran rakyat dari pelbagai pelosok Asia Tenggara untuk mencari nafkah hidup secara tidak langsung menyebabkan bahasa-bahasa Asia Tenggara penting sebagai instrument komunikasi.

JADUAL 5. Perangkaan Penting Ekonomi ASEAN

	KDNK Benar (% Pertumbuhan)	KDNK Per Kapita (USD)	Indeks Harga Pengguna (%)	Imbangan Akaun Semasa (USD juta)	Rizab Antarabangsa Kasar (USD juta)
	<i>Real GDP (% Growth)</i>	<i>GDP Per Capita (USD)</i>	<i>Consumer Price Index (%)</i>	<i>Current Account Balance (USD million)</i>	<i>Gross International Reserves (USD million)</i>
Brunei Darussalam					
2009	-1.8	26,423	1.0	4,310	1,357
2010	2.6	29,852	0.4	5,623	1,563
2011	1.9	36,584	2.0	8,421	n.a.
2012 ¹	3.2	39,355	1.6	8,997	n.a.
2013 ²	1.6	37,880	1.4	8,962	n.a.
Filipina Philippines					
2009	1.1	1,827	4.2	9,358	44,243
2010	7.6	2,123	3.8	8,924	62,373
2011	3.9	2,223	4.8	5,845	75,302
2012 ¹	5.0 – 6.0	2,329	3.4 ²	2,132	80,777 ⁴
2013 ²	4.7	2,438	4.1	2,521	n.a.
Indonesia					
2009	4.6	2,299	4.8	13,583	66,105
2010	6.2	2,981	5.1	5,643	96,207
2011	6.5	3,509	5.4	2,070	110,123
2012 ¹	6.5	3,797	6.2 ²	-3,888	108,990 ⁴
2013 ²	6.6	4,255	6.0	-9,418	n.a.
Kemboja Cambodia					
2009	0.1	703	-0.7	-360	2,367
2010	6.0	753	4.0	-447	2,653
2011	6.1	852	5.5	-1,239	3,032
2012 ¹	6.2	931	4.0	-1,502	n.a.
2013 ²	6.4	1,012	3.6	-1,516	n.a.
Lao PDR					
2009	7.6	886	0.0	-1,174	633
2010	7.9	1,004	6.0	-1,173	727
2011	8.3	1,204	8.7	-1,530	679
2012 ¹	8.4	1,338	6.7	-1,755	n.a.
2013 ²	7.1	1,429	5.3	-2,138	n.a.
Malaysia					
2009	-1.5	7,202	0.6	31,415	96,678
2010	7.2	8,634	1.7	27,344	106,498
2011	5.1	9,941	3.2	31,735	133,642
2012 ¹	4.5 – 5.0	10,298	2.0 – 2.5 ²	22,114	134,450 ³
2013 ²	4.5 – 5.5	10,879	2.0 – 3.0	23,188	n.a.
Myanmar					
2009	5.1	587	8.2	-983	5,233
2010	5.3	742	8.2	-392	6,070
2011	5.5	832	4.2	-1,366	7,903
2012 ¹	6.0	855	5.8	-2,325	n.a.
2013 ²	6.0	909	6.3	-2,005	n.a.
Singapura Singapore					
2009	-1.0	36,567	0.6	30,138	187,809
2010	14.8	43,865	2.8	55,509	225,754
2011	4.9	49,271	5.2	56,989	237,737
2012 ¹	1.5 – 2.5	50,324	3.5 ²	58,892	246,181 ⁴
2013 ²	3.9	51,602	2.3	59,987	n.a.
Thailand					
2009	-2.3	4,151	-0.8	21,896	138,418
2010	7.8	4,992	3.3	13,176	172,129
2011	0.1	5,394	3.8	11,870	175,124
2012 ¹	5.2 – 6.2	5,851	3.9 ²	3,829	179,229 ⁴
2013 ²	7.5	6,404	3.3	5,820	n.a.
Vietnam					
2009	5.3	1,068	6.7	-6,116	14,148
2010	6.8	1,174	9.2	-4,287	12,382
2011	5.9	1,374	18.7	-663	13,800
2012 ¹	6.0	1,498	12.6 ²	-2,138	n.a.
2013 ²	6.3	1,617	6.8	-2,008	n.a.

Menurut laporan di *Utusan Online* (14/4/2010), jumlah pekerja asing di Malaysia telah meningkat kepada 1.8 juta. Peratusan pekerja asing yang dari Asia Tenggara adalah: Indonesia (50.9%), Myanmar (7.8%), Vietnam (4.2%), Filipina (9.9%)⁵. Statistik ini menunjukkan bahawa penutur bahasa Asia Tenggara yang berada di Malaysia sangat ramai

dan penguasaan ke atas bahasa-bahasa merupakan satu kelebihan, misalnya berupaya berkomunikasi dengan mereka dalam pekerjaan.

Daripada segi nilai ekonomi, kelebihan menguasai bahasa-bahasa Asia Tenggara berhubung kait dengan pertumbuhan ekonomi ASEAN⁶ yang pesat sejak dua dekad ini. Menurut laporan

dari Berita Harian (15/1/2013), “*ASEAN adalah pencetus ekonomi yang penting di rantau ini dengan kadar pertumbuhan ekonominya dijangkakan akan meningkat lebih tinggi daripada ekonomi negara dunia lain pada masa depan, sekali gus menawarkan peluang luas bagi sektor swasta untuk melabur dalam infrastrukturnya. Dengan ASEAN kini bersedia untuk menjadi kuasa ekonomi utama dan disegani, Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC), iaitu matlamat akhir integrasi ekonomi ASEAN menjelang 2015, adalah sesuatu yang pasti akan berlaku walaupun terdapat perubahan dalam tempoh pelaksanaan*”. Ini dapat dibuktikan dengan statistik keadaan ekonomi dan kadar pertumbuhannya di negara-negara ASEAN (selain Singapore)⁷ pada tahun 2012, iaitu Brunei (3.2%), Filipina (6.0%), Indonesia (6.5%), Kemboja (6.2%), Lao (8.4%), Malaysia (4.5%), Myanmar (6.0%), Singapore (2.5%), Thailand (6.2%) dan Vietnam (6.0%)⁸. Begitu juga dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) di negara ASEAN yang mengalami peningkatan tahun demi tahun; lihat Jadual 5.

Secara keseluruhan, prestasi perkembangan ekonomi negara ASEAN sangat memberangsangkan dan kadar pertumbuhan ekonomi amat tinggi. Sejarah dengan pertumbuhan ekonomi, sudah tentu banyak peluang ekonomi yang boleh diterokai di negara-negara tersebut, misalnya dalam sektor perlancongan, perindustriaan, perladangan, pembinaan dan sebagainya. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, khususnya perkembangan ekonomi di Vietnam, China dan India, Pelaburan Asing Terus (FDI) tidak beberapa tertarik dengan Malaysia. Sehubungan dengan itu, Malaysia terpaksa bersaing dengan negara-negara tersebut dan mencari pelaburan ke luar. Pelaburan syarikat atau perusahaan dari Malaysia ke negara ASEAN didapati amat giat, misalnya Malaysia merupakan negara ketiga tertinggi melabur di Vietnam dan turut terlibat dalam projek-projek besar dan ikonik, antaranya pembinaan dua buah hotel terkemuka serta projek janakuasa elektrik menggunakan arang batu (Utusan Malaysia, 9/4/2010). Begitu juga dengan di negara Kemboja, Malaysia menjadi pelabur terbesar di Kemboja selama 14 tahun berturut-turut dengan jumlah pelaburan AS\$2.19 bilion (RM7.3 bilion) dalam pelbagai bidang (Berita Harian, 12/05/2010). Daripada penerangan, jelas bahawa penguasaan bahasa-bahasa Asia Tenggara merupakan satu kelebihan daripada aspek nilai ekonomi. Namun demikian, mungkin akan timbul cadangan supaya bahasa Inggeris digunakan dalam bidang perniagaan

dan pelaburan di negara ASEAN kerana bahasa ini merupakan bahasa global. Menurut laporan dalam Portal Asian Scientist⁹, *English Prociency Index* (EPI) di negara Asia Tenggara masih sangat rendah. Sehubungan dengan itu, penguasaan terhadap bahasa-bahasa Asia Tenggara adalah paling ideal dan penting dalam hal ini menjamin kelancaran pelaburan, perniagaan dan pelancongan.

KESIMPULAN

Secara kesimpulan, makalah ini telah memberi gambaran tentang ketidakseimbangan universiti tempatan menawarkan kursus-kursus bahasa Asing. Pada umumnya bahasa-bahasa dari negara maju dipentingkan oleh universiti tempatan. Bahasa-bahasa Asia Tenggara sebaliknya dipinggirkan. Hasil kajian mendapati bahawa bahasa Eropah dan bahasa Asia Timur paling diminat oleh pelajar. Makalah ini telah mengemukakan dalil yang menolak kepentingan mempelajari bahasa-bahasa ini dan kepentingan mempelajari bahasa Asia Tenggara. Dua alasan yang dikemukakan, iaitu bahasa Asia Tenggara mampu berperanan sebagai bahasa komunikasi dan mempunyai nilai ekonomi yang tinggi, lebih-lebih lagi perkembangan ekonomi ASEAN yang pesat.

NOTA AKHIR

- ¹ Sejak hujung tahun 2009-2010, empat Negara Eropah, iaitu Greek, Ireland, Portugis dan Iceland mengalami krisis hutang. Pada waktu itu, keseluruhan sistem perbankan antarabangsa runtuh dan kerajaan tidak mampu menyelamatkan bank-bank dan pelabur enggan melabur kerana enggan berdepan dengan krisis hutang. Sungguhpun demikian, krisis hutang Eropah tidak mempengaruhi perbincangan makalah ini memandangkan kursus-kursus bahasa Eropah telah ditawarkan di universiti tempatan jauh lebih lama sebelum krisis tersebut.
- ² Sumber: <http://www.imf.org/external/pubs/ft/weo/2009/02/weodata/groups.htm#ae>
- ³ Sumber: http://ms.wikipedia.org/wiki/Negara_membangun#cite_note-3 dan <http://www.imf.org/external/pubs/ft/weo/2009/02/weodata/groups.htm#ae>
- ⁴ Dalam Collins (1998), jenis dan jumlah penutur bahasa utama dunia adalah seperti berikut: Arab (120-150 juta), Benggali (80-150 juta), Cina (1000+ juta), Hindi (130-200 juta), Inggeris (300-350 juta), Jepun (120 juta), Jerman (100 juta), Melayu (100-160 juta), Portugis (120-135 juta), Russia (130-150 juta) dan Sepanyol (150-250 juta).
- ⁵ Pekerja asing yang selebihnya adalah dari Asia Selatan, iaitu Bangladesh (17.4%), Nepal (9.7%) dan India (6.3).

- ⁶ ASEAN ditubuhkan pada tahun 1967 menerusi Deklarasi Bangkok yang ditandatangani oleh Malaysia, Filipina, Singapura dan Thailand. Jumlah keanggotaannya bertambah dengan penyertaan negara Brunei (1995), Vietnam (1995), Laos dan Myanmar (1997) dan Kamboja (1999).
- ⁷ Singapore dikecualikan dari perbincangan kerana negara ini telah diiktiraf sebagai negara maju oleh IMF.
- ⁸ Sumber:http://www.treasury.gov.my/pdf/ekonomi/le/1213/jp1_2.pdf
- ⁹ Sumber:<http://www.asianscientist.com/academia/asia-english-proficiency-lower-than-expected-worldwide/>

RUJUKAN

- Berita Harian*. 2010. Malaysia antara pelabur terbesar Kemboja, 12 Mei.
- Berita Harian*. 2013. Ekonomi ASEAN dijangka meningkat, 15 Januari.
- Chong Fong Kuen. 1996/1997. Sikap ibu bapa Cina: Satu tinjauan terhadap penguasaan bahasa Melayu anak-anak mereka. Latihan Ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Collins, J. T. 1987. Malaysian and Bazaar Malay: Polarity, continuity and communication. Dlm. *National language and Communication in Multilingual Societies*, disunting oleh Asmah Hj. Omar, 3-12. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ferguson, C. A. 1959. Diglossia. *Word* 15: 325-340.
- Fishman, J. A. 1971. The sociology of language: an interdisciplinary social science approach to language in society. Dlm. *Advances in Sociology of Language*, disunting oleh Fishman, J.A., 217-404. The Hague: Mouton.
- Gunam A/P Muthu Krishnan. 1996. Penerimaan dan penghayatan bahasa Malaysia di kalangan kaum Cina dan India: Satu kajian kes di sebuah kawasan petempatan. Latihan Ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Holmes, J. 1992. *An Introduction to Sociolinguistics*. New York: Longman.
- Ling Chieh Wei. 1994. Penguasaan bahasa Melayu, bahasa Inggeris dan bahasa Mandarin di kalangan komuniti Baba: Satu kajian sosiolinguistik di Melaka. Latihan Ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Teo Kok Seong. 1986. Satu kajian sosiolinguistik tentang penerimaan dan penghayatan bahasa Malaysia di kalangan masyarakat Cina: Satu kajian kes di 2 buah kawasan di selatan. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Utusan Malaysia*. 2010. Realisasikan Ekonomi ASEAN, 9 April.
- Utusan Online*. 2010. Had pekerja asing kepada 1.5 juta, 14 April.

Chong Shin
 Institut Alam & Tamadun Melayu (ATMA)
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 UKM Bangi, 43600 Selangor D. E.
 Malaysia
 E-mel: chongshin@ukm.edu.my

Doreen Ng Boon Sim
 E-mel:

Diserahkan: 12 Mei 2015
 Diterima: 3 Julai 2015

